

INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



MINAT PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM TALIAN: SATU KAJIAN DESKRIPTIF

STUDENTS' INTEREST TOWARDS LEARNING ARABIC THROUGH ONLINE: A DESCRIPTIVE STUDY

Mohd Fahimi Zakaria^{1*}, Muhammad Asyraf Saifuddin², Muhammad Iqbal Samadi³

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Email: mfahimi@uitm.edu.my

² Unit Pengajian Am, Universiti Kuala Lumpur, Malaysia
Email: asyraf.saifuddin@unikl.edu.my

³ Unit Pengajian Am, Universiti Kuala Lumpur, Malaysia
Email: miqbal@unikl.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 13.03.2022

Revised date: 05.04.2022

Accepted date: 17.05.2022

Published date: 10.06.2022

To cite this document:

Zakaria, M. F., Saifuddin, M. A., Samadi, M. I. (2022). Minat Pelajar terhadap Pembelajaran dalam Talian: Satu Kajian Deskriptif. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (18), 10-22.

DOI: 10.35631/IJHPL.518002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Bahasa Arab (BA) di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mula ditawarkan sejak penubuhannya pada bulan Ogos 2002 melalui Bahagian Pembangunan Pelajar dan Gaya Hidup Kampus (SDCL). Sehingga kini, terdapat lima kampus UniKL menawarkan subjek BA sebagai bahasa ketiga iaitu subjek bahasa pilihan yang boleh diambil oleh pelajar di peringkat Diploma dan Sarjana Muda. Kajian ini cuba menumpukan proses pembelajaran BA di UniKL kampus Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) terhadap minat pelajar melalui pembelajaran secara dalam talian ketika sesi pengajian berlangsung dalam suasana pandemik Covid-19 sejak Mac 2020 yang lalu. Seramai 98 responden dipilih dalam kalangan pelajar subjek Bahasa Arab 1 (BA1) semester Julai 2021 dari pelbagai latar belakang seperti jantina, semester dan program bagi menjawab beberapa soalan terpilih berhubung minat mereka terhadap subjek BA sepanjang proses pembelajaran berlaku secara dalam talian. Kajian ini menggunakan pakai metodologi kajian deskriptif kuantitatif, iaitu salah satu kaedah saintifik yang menjawab persoalan apa, siapa, bila dan di mana. Semua butiran responden dikumpul dan dimasukkan dalam jadual secara sistematis mengikut susunan latar belakang. Berdasarkan dapatan kajian, minat pelajar terhadap pembelajaran BA secara dalam talian semakin berkurang berikutan keterbatasan beberapa perkara yang menjadi faktor dominan yang mendorong minat pelajar dalam pembelajaran sesuatu subjek bahasa ketiga seperti BA. Walaubagaimanapun, minat yang semakin berkurang dalam

kalangan para pelajar hari ini berikutan suasana pembelajaran yang berbeza wajar dilihat sebagai perkara serius dalam kalangan guru khususnya pensyarah di universiti bagi membantu dan membina semula minat mereka agar proses pembelajaran BA menjadi lebih menarik.

Kata Kunci:

Minat Pelajar, Pembelajaran bahasa Arab, Kajian Deskriptif

Abstract:

Arabic at Universiti Kuala Lumpur (UniKL) has been offered since its inception in August 2002 through the Student Development and Campus Lifestyle Division (SDCL). To date, there are five UniKL campuses offering Arabic subjects as a third language, which is an elective language subject that can be taken by students at the Diploma and Bachelor levels. This study tries to focus the BA learning process at UniKL campus of the Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) on students' interest through online learning when the study session took place in the Covid-19 dynamic atmosphere since March 2020. A total of 98 respondents were selected among students of Arabic 1 semester July 2021 from various backgrounds such as gender, semester and program to answer some selected questions regarding their interest in Arabic subjects throughout the learning process takes place online. This study adopts a quantitative descriptive research methodology, which is one of the scientific methods that answers the question of what, who, when and where. All the details of the respondents were collected and entered in the table systematically according to the order of background. Based on the findings of the study, students' interest in learning Arabic online is declining due to the limitations of some things that are the dominant factors that drive students' interest in learning a third language subject such as Arabic. However, the declining interest among students today due to the different learning environment should be seen as a serious matter among teachers, especially lecturers at the university to help and rebuild their interest so that the Arabic learning process becomes more interesting.

Keywords:

Students' Interest, Learning Arabic, Descriptive Study

Pendahuluan

Bahasa Arab telah wujud sebelum penurunan al-Quran lagi iaitu sejak kurun ke-7 masihi (Mohd Zaki & Che Radiah 2011) di tanah Arab. Sempadan tanah Arab secara mendatar merujuk dari Iraq sehingga ke persisiran pantai Syam dan Mesir manakala arah menegak pula dari selatan Turki sehingga ke persisiran pantai Yaman. Bahasa Arab mula dikesan pada dua kurun sebelum hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, bahkan ia berkembang pesat selepas penurunan al-Quran dan tersebar dengan pantas berikutan penyebaran Islam ke seluruh dunia.

Mohd Shukri (2003) menegaskan bahawa masyarakat Islam Malaysia mula belajar bahasa Arab dan sistem bahasa seperti tatabahasa dan morfologi pada tahun 1937 apabila muncul tokoh agamawan yang bergiat dalam usaha penterjemahan al-Quran seperti Muhammad Ma'adah bin Layang, Abdul Aziz bin Yunus, Itam bin Tahar dan Hashim bin Abdul Ghani. Penekanan terhadap pembelajaran bahasa Arab sangat ditekankan kepada para pelajar pada

waktu itu lantaran umat Islam sangat berhajat untuk memahami al-Quran dan ilmu-ilmu Islam seperti hadith, tafsir dan fekah (Mohd Fahimi & Mohd Adi 2020).

Bermula pada kurun ke-20 (Idris 2015), kerajaan mula memperkenalkan subjek bahasa Arab me-lalui aliran agama seperti *nahw*, *sarf*, *insya'*, *mutala'ah*, *imla'* dan *balaghah*. Sehingga kini, bahasa Arab bukan sahaja ditawarkan peringkat sekolah rendah dan menengah tetapi juga di peringkat pengajian tinggi. Terdapat beberapa universiti awam dan swasta yang menawarkan program pengajian pengkhususan bahasa Arab dalam pelbagai peringkat bermula dari ijazah pertama sehingga ijazah doktar falsafah.

Sementara subjek bahasa Arab sebagai subjek teras (core) atau subjek pilihan (option) ditawarkan di semua universiti awam di Malaysia. Pelajar yang mengambil program pengajian ilmu-ilmu Islam akan mengambil bahasa Arab sebagai subjek teras manakala pelajar yang memilih program bukan pengajian Islam mereka boleh mengambil bahasa Arab sebagai subjek pilihan yang dikenali dengan nama yang berbeza mengikut universiti seperti bahasa pilihan, bahasa ketiga, bahasa asing dan bahasa antarabangsa.

Kajian ini memfokus kepada responden yang mengambil subjek Bahasa Arab 1 (BA1) di Universiti Kuala Lumpur kampus cawangan *Royal College of Medicine Perak* (UniKL RCMP) sesi Julai 2021 sahaja. Seramai 98 responden dipilih dari pelbagai program pengajian yang mengambil subjek BA1 dan mengikuti kuliah sepenuhnya secara dalam talian. Kesemua responden adalah merupakan pelajar dari Fakulti Farmasi dan Sains Kesihatan (FPHS) yang mengikuti program peringkat Diploma dalam bidang Farmasi, Sains Kejururawatan dan Fisioterapi.

BA1 di UniKL RCMP masih baharu iaitu ditawarkan pada Januari 2019 menjadikan ia kampus kelima UniKL yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Kajian ini dijalankan untuk melihat minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab sepanjang pembelajaran secara dalam talian yang semestinya mempunyai kelainannya yang tersendiri berbanding pembelajaran secara fizikal sebelum ini. Hal ini adalah berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan bermula Mac 2020 dengan diikuti perubahan fasa demi fasi hingga kini negara berada pada fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kajian yang dipilih ialah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah deskriptif, iaitu salah satu kaedah kajian saintifik yang dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan seperti apa, siapa, bila dan di mana (Ahmad Munawar & Mohd. Nor Shahizan 2015). Antara prosedur asas penganalisisan data kualitatif yang akan dijalankan ialah praanalisis, reduksi data, pembentangan data, verifikasi data dan akhirnya dapatan kajian. Seterusnya reka bentuk kajian yang digunakan ialah analisis kandungan yang mungkin juga terdapat gabungan analisis kajian kuantitatif kerana sebahagian data diperolehi dalam bentuk rajah dan pecahan peratusan maklumat asas responden. Tatacara menganalisis kandungan pula termasuklah mengenal pasti konsep yang berkaitan dalam data responden, menghurai dan menerokai secara mendalam terhadap konsep tersebut dan memberi tumpuan kepada signifikan hubungan antara satu data dengan data yang lain.

Dapatan pula diperolehi melalui soal selidik maya menggunakan platform *Google Form* (GF) yang diedarkan secara tertutup kepada responden terpilih. Menurut Asmah (2015) soal selidik jenis ini juga dikenali sebagai pertanyaan berstruktur, iaitu soalan-soalan yang ditanya mestilah

mengikut susunan dan mestilah jelas seperti nama, umur, jantina, bangsa, agama dan program pengajian haruslah berada dalam soalan yang berbeza. Dari segi pertanyaan pula, soalan-soalan yang ditanya kepada responden berbentuk pilihan jawapan seperti ‘ya’ atau ‘tidak’, ‘betul’ atau ‘salah’, seterusnya data yang diperolehi dalam bentuk rajah peratusan berwarna mengikuti dapatan data yang berbeza.


Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Talian

Pembelajaran bahasa Arab secara asasnya adalah bertujuan untuk mengasah empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis yang dapat dipupuk melalui aktiviti pembelajaran yang berkesan seiring dengan tujuan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing dan matlamat yang ingin dicapai supaya proses pembelajaran tidak menjadi hambar (Che Radiah 2010). Menurut Hassan Basri (2005) bahawa hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pengajian bertaraf dunia mendapat sambutan yang positif oleh setiap pihak khususnya pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini melalui bidang pendidikan Islam dan bahasa Arab.

Sementara pembelajaran dalam talian peringkat institut pengajian tinggi (IPT) dikenali sebagai Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh atau *Open Distance Learning* (ODL). Meskipun kaedah ODL ini telah lama dibuat oleh kebanyakan negara Barat, namun akibat wabak Covid-19 yang melanda negara pada Mac 2020 menjadikan ia satu keperluan untuk dilaksanakan. Menurut Wan Hartini (2020) bahawa kaedah ODL mula diamalkan di Britain pada tahun 1970 yang bukan hanya tertumpu hanya kepada pembelajaran dalam talian (online learning) semata-mata malah lebih dari itu. ODL yang kini berjalan hampir sepenuhnya di IPT termasuklah Universiti Kuala Lumpur kampus cawangan RCMP khususnya subjek gugusan sains social seperti agama, bahasa dan pembangunan insan. ODL yang secara mengejut perlu dilaksanakan ini bukan sahaja memberi bebanan kepada para pensyarah tetapi para pelajar juga menerima kesannya.

Konsep *IR 4.0* dan *Education 5.0* yang sedang ditekuni hari ini ditambah pula dengan aplikasi teknologi norma baru seperti *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Zoom* dan lain-lain. Seperti yang dibahaskan oleh Rafizah et al. (2020), para pensyarah perlu bersedia untuk melaksanakan tugas ini dalam masa yang sama para pelajar perlu membantu pensyarah untuk menentukan kaedah yang sesuai melaksanakan ODL bagi memastikan tiada pelajar yang tercicir. Cabaran krisis pandemik Covid-19 tidak sepatutnya menjadi halangan berikutan pelbagai kaedah alternatif sudah diperkenalkan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya di peringkat IPT berjalan seperti biasa.

Sepanjang semester Julai 2021 sistem PdP bagi subjek Bahasa Arab berjalan sepenuhnya menggunakan keadah ODL melalui aplikasi *Microsoft Teams* (MT) sebagai medium open learning rasmi universiti. Masa yang diperuntukkan selama dua jam dibahagikan kepada beberapa aktiviti PdP antaranya syarahan, perbincangan dan latihan. Nota berkaitan pula dimuat naik di portal rasmi universiti yang dikenali sebagai *Virtual Learning Environment* (VLE) yang boleh diakses oleh semua pelajar. Nota tersebut boleh dimuat turun dan dicetak sebagai bacaan awal sebelum sesi kuliah berlangsung. Semasa sesi kuliah pula, pensyarah akan memaparkan nota tersebut supaya aktiviti syarahan tidak hanya berlaku sebelah pihak sahaja, tetapi pelajar juga boleh melihat dan melakukan semakan.



Rajah 1: Aplikasi Microsoft Teams


Rajah 1 menunjukkan aplikasi MT yang digunakan sebagai medium rasmi pembelajaran dalam talian (open learning) di UniKL RCMP. Sesi kuliah akan dirakam dan disimpan secara automatik di dalam fail MT, justeru ia memudahkan rujukan pelajar jika tidak dapat hadir dengan sebab-sebab yang dibenarkan. Para pensyarah dan pelajar boleh mengakses dengan menggunakan nama pengguna dan kata laluan seperti yang didaftarkan oleh UniKL. Kelebihan MT ini ialah walaupun pelajar terlewat hadir atau tidak hadir, mereka masih berpeluang mencapai bahan perbincangan sekaligus mengelakkan berlakunya keciciran prestasi pelajar (Rafizah et al. 2020).

A screenshot of the UniKL Virtual Learning Environment (VLE) portal. The URL in the address bar is "vle.unikl.edu.my/course/view.php?id=42371". The UniKL logo is at the top left. The main content area displays four course modules: "ARABIC ALPHABETS & PRONUNCIATION" (Topic's progress: 100%), "ARABIC NOUNS" (Topic's progress: 0%), "ARABIC VERBS" (Topic's progress: 0%), and "ARABIC PARTICLES" (Topic's progress: 0%). Each module has a circular icon with a laptop and Arabic text.

Rajah 2: Portal Virtual Learning Environment


Rajah 2 memaparkan portal VLE yang merupakan medium rasmi PdP di UniKL yang boleh diakses oleh semua pelajar untuk mendapatkan bahan perbincangan, menduduki ujian dalam talian (online test) dan mengetahui makluman berkaitan subjek. Mereka boleh memuat turun bahan-bahan pembelajaran pada tajuk yang tertera dan mencetak sebagai nota dalam bentuk salinan cetak (hardcopy). Pelajar boleh membuat persediaan lebih awal dengan membaca

secara ringkas dan cuba mendapatkan maklumat awal, kemudian tandakan jika terdapat kekeliruan yang memerlukan penjelasan daripada pensyarah semasa sesi kuliah akan datang.



Rajah 3: Paparan Bahan Kuliah

Seterusnya Rajah 3 pula berkaitan paparan bahan kuliah yang dikongsi semasa aktiviti syarahan. Pensyarah akan membincangkan tajuk berdasarkan minggu kuliah, sebagai contoh tajuk Kata Nama (al-Ism) dalam bahasa Arab pada minggu ke-3. Nota diberikan dalam format PDF secara ringkas, berjadual dan beberapa contoh berkaitan tajuk berkenaan. Pelajar yang telah membaca sebelum hadir ke kuliah dalam talian, mereka akan lebih faham tentang tajuk yang akan dibincangkan pada sesi kuliah akan datang. Selain itu, contoh-contoh (al-Amthalah) ayat yang diberikan dalam bentuk penomboran (numbering) dan digariskan contoh penggunaan kata nama tersebut. Melalui cara ini, pembelajaran dalam talian (online learning) boleh berjalan seperti biasa walaupun tidak sama sepenuhnya dengan pembelajaran bersemuka (physical learning).




Rajah 4: Paparan Latihan

Rajah 4 ialah paparan latihan (al-tadribat) yang perlu dilengkappan oleh pelajar sebelum tamat sesi kuliah. Pelajar dikehendaki membaca dan menjawab berdasarkan kefahaman masing-masing sepanjang sesi kuliah berlangsung. Bagi pelajar yang mempunyai asas seperti latar belakang sekolah agama, maka mereka biasanya mampu memahami dengan mudah dan cepat. Sebaliknya bagi yang tiada asas bahasa Arab, mereka akan diam dan memberi apa-apa respon. Justeru, di sinilah peranan pensyarah perlu meraikan mereka yang mungkin takut atau tidak yakin untuk terlibat dalam sesi perbincangan latihan. Pensyarah akan menyebut nama pelajar tersebut dan minta dia untuk turut serta sama ada untuk membaca, menjawab atau menterjemah teks ke dalam bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung akan membantu pelajar untuk berusaha dan mencari alternatif seperti baca nota lebih awal, bertanya pensyarah jika keliru atau membuat carian di internet tentang sesuatu tajuk.


Akhir sekali, melalui kajian ini pensyarah yang juga merupakan pengkaji cuba melihat minat para pelajar khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab dalam talian sepanjang semester Julai 2021 yang kini sudah memasuki minggu ke-16, iaitu minggu kedua terakhir. Kajian deskriptif terhadap minat pelajar ini dibuat berikutkan pembelajaran dalam talian ini merupakan pembelajaran norma baharu yang mungkin terdapat beberapa isu dalam kalangan para pelajar seperti sokongan moral keluarga, gangguan adik-adik kecil ataukekangan dengan kerja hakiki yang isu-isu ini mungkin menjadi faktor yang mempengaruhi tahap minat mereka untuk belajar secara online learning. Walaupun kehadiran pelajar hampir 100% setiap kali kuliah, namun ia bukan kayu ukur sepenuhnya minat yang tinggi terhadap pembelajaran dalam talian. Sebaliknya ia mungkin disebabkan faktor-faktor seperti memenuhi syarat untuk menduduki peperiksaan akhir semester dan untuk menjaga prestasi keputusan akademik itu sendiri. Bahkan terdapat pelajar yang tidak dapat hadir disebabkan komitmen bekerja di hospital, klinik dan farmasi serta ada yang disebabkan kerja penghantaran makan.

Perbincangan dan Dapatan

Beberapa maklumat asas diambil melalui soal selidik tertutup (berstruktur) melalui aplikasi *Google Form* yang diedarkan melalui *WhatsApp group* kepada semua pelajar peringkat Diploma sahaja iaitu seramai 98 responden dari pelbagai program pengajian. Maklumat asas yang dicatat daripada responden ialah (1) jantina, (2) program pengajian dan (3) semester. Maklumat seperti sesi dan peringkat pengajian tidak dicatat kerana kedua-dua semua 98 responden adalah merupakan pelajar peringkat Diploma sesi Julai 2021. Maklumat dicatat dan dikumpulkan dalam bentuk rajah peratusan seperti berikut:


**Rajah 5: Jantina Responden**

Rajah 5 merupakan maklumat jantina responden. Lorekan berwarna biru mewakili lelaki manakala warna merah pula mewakili perempuan. Daripada 98 responden terpilih, seramai 30 orang lelaki dan 68 orang perempuan yang kadar purata lelaki: perempuan hampir menyamai 1:2 sementara kadar peratusan pula menunjukkan 30.6% (lelaki) dan 69.4% (perempuan). Peningkatan jumlah perempuan melebih satu kali ganda jumlah lelaki kemungkinan disebabkan pelajar perempuan lebih minat menyambung pengajian selepas tamat persekolahan manakala lelaki pula lebih suka bekerja untuk mencari pengalaman atau membantu keluarga. Selain itu, faktor program pengajian juga mungkin dianggap relevan kerana semua program pengajian di kampus RCMP merupakan program kritikal yang memerlukan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berada pada tahap yang baik. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa pelajar perempuan lebih ramai memilih program pengajian kritikal disebabkan keputusan peperiksaan yang lebih baik.

**Rajah 6: Fakulti Responden**


Rajah 6 pula berkaitan maklumat fakulti responden. Hanya dua fakulti (FOM) sahaja yang dicatat iaitu Fakulti Perubatan dan Fakulti Farmasi dan Sains Kesihatan (FPHS). Responden dari FOM mencatatkan seramai 38 orang manakala dari FPHS pula 60 orang. Seperti rajah sebelum ini, Rajah 3.2 pula menunjukkan kadar purata FOM: FPHS sebanyak 1:2 manakala

kadar peratusan pula mencatatkan 38.8% (FOM) dan 61.2% (FPHS). Pada hemat pengkaji, jumlah responden FOM lebih sedikit berbanding responden FPBS adalah kerana FOM hanya menawarkan satu (1) program peringkat Diploma sahaja sementara FPBS pula menawarkan tiga (3) program Diploma. Hal ini seperti yang diketahui bahawa FOM lebih fokus kepada program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) yang menjadi program teras FOM. Oleh itu, gabungan tiga program Diploma dianggap faktor munasabah yang menyebabkan jumlah responden FPBS lebih ramai dari responden FOM yang hanya menawarkan satu program Diploma sahaja.



Rajah 7: Program Pengajian Responden

Seterusnya Rajah 7 merekodkan maklumat program pengajian yang terdiri daripada tiga program Diploma. Program Farmasi mewakili 44 (44.9%), Sains Kejururawatan ialah 26 (26.5%) dan Fisioterapi pula seramai 28 (28.6%). Bilangan responden dari program Farmasi paling tinggi atau lebih satu kali ganda daripada kedua-dua program Sains Kejururawatan dan Fisioterapi. Kemungkinan responden program Farmasi (44) paling tinggi adalah disebabkan faktor minat terhadap subjek, pensyarah, latar belakang sekolah dan gaya penyampaian di dalam kuliah maya. Bilangan responden juga terpengaruh dengan minat, justeru semakin tinggi minat terhadap sesuatu maka semakin tinggi jumlah yang diperolehi. Sementara kedua-dua program Sains Kejururawatan (26) dan Fisioterapi (28) pula masing-masing menunjukkan jumlah yang lebih kurang sama, maka kemungkinan minat terhadap subjek kurang.

**Rajah 8: Semester Pengajian Responden**

Hanya dua semester sahaja yang direkodkan melalui Rajah 8 iaitu Semester 1 (S1) dan 3 (S3). S1 (biru) mewakili 28 responden manakala S3 (oren) mewakili 70 responden yang menyamai kadar peratusan 28.6% (S1) dan 71.4% (S3). Jumlah responden S3 (70) menunjukkan lebih daripada dua kali ganda jumlah responden S1 (28) adalah disebabkan subjek bahasa Arab (BA) ditawarkan kepada pelajar S3 bagi FPHS seperti Diploma Farmasi dan Fisioterapi manakala FOM pula menawarkan BA kepada pelajar S1 iaitu Diploma Sains Kejururawatan sahaja. Justeru, dua program pengajian (S3) sudah pasti lebih ramai jumlahnya berbanding satu program (S1) sahaja. Sementara subjek BA tidak ditawarkan kepada pelajar semester lain, oleh itu tiada jumlah dan peratusan yang dicatat daripada pelajar semester dua, empat, lima dan enam.

Dari segi sejarah belajar bahasa Arab, kajian ini juga mendapatkan beberapa maklumat pengalaman belajar daripada responden seperti (1) pengalaman belajar di sekolah, (2) peringkat persekolahan dan (3) aliran sekolah. Maklumat ini dilihat penting dalam proses pembentukan minat kerana pengalaman lepas juga mempengaruhi situasi yang ada pada hari ini. Ketiga-tiga maklumat ini diringkaskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Pengalaman Belajar Bahasa Arab di Sekolah

Pengalaman	Jumlah	Peratus
Ya	83	84.7%
Tidak	15	15.3%

Secara umum, Jadual 1 menunjukkan seramai 83 responden mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab (BA) di peringkat sekolah berbanding hanya 15 responden yang tidak pernah belajar. Rekod ini membuktikan jumlah mereka yang pernah belajar BA adalah paling tinggi dengan kadar peratus 84.7% berbanding mereka yang tidak pernah belajar dengan kadar peratus 15.3% sahaja. Pengkaji beranggapan bahawa pengalaman responden yang majoriti pernah belajar BA di peringkat sekolah dapat membantu dalam pembinaan minat untuk terus mengambil subjek BA di peringkat Diploma yang ditawarkan di UniKL RCMP.

Selain itu, mereka yang sudah mempunyai pengalaman lebih mudah untuk meraih keputusan peperiksaan yang lebih baik tanpa perlu bersusah payah untuk memahami subjek ini dari peringkat asas. Sementara mereka yang tidak mempunyai pengalaman belajar (15) perlu membina minat melalui alternatif lain seperti peranan pensyarah, gaya penyampaian dan pengaruh rakan sekuliah.

Jadual 2: Peringkat Persekolahan

Peringkat	Jumlah	Peratus
SPM	46	46.9%
PT3	24	24.5%
Sekolah Rendah (SK)	42	42.9%
Tidak pernah	3	3.1%

Jadual 2 membuktikan 46 responden pernah mengambil subjek BA di peringkat SPM menjadikannya jumlah tertinggi dengan kadar peratus 46.9% berbanding peringkat PT3 (24: 24.5%) dan peringkat SK (42:42.9%). Peringkat persekolahan ini penting dalam penilaian tahap minat responden kerana semakin singkat dengan peringkat semasa (Diploma) akan semakin tinggi minat terhadap pembelajaran BA lebih-lebih dalam suasana PdP dalam talian (*online learning*). Justeru, peringkat SPM merupakan peringkat paling hampir dengan peringkat Diploma yang sedang diikuti oleh mereka sekarang menjadikan minat mereka lebih tinggi untuk meneruskan pembelajaran BA di peringkat universiti.

Sementara peringkat PT3 pula peringkat sederhana dan peringkat SK merupakan peringkat rendah yang semakin sukar memupuk minat belajar BA kerana tempoh masa yang jauh. Seterusnya 3 responden tidak pernah mengambil subjek BA di mana-mana peringkat persekolahan menunjukkan jumlah yang sangat rendah dengan kadar peratus yang hanya 3.1% sahaja. Walaubagaimanapun, jumlah yang kecil ini bukan alasan pensyarah untuk mengabaikannya kerana mereka yang minoriti juga berhak untuk mendapat peluang pembelajaran dalam talian dan menjadi tanggungjawab pensyarah untuk memastikan minat mereka semakin baik dari semasa ke semasa.

Jadual 3: Aliran Sekolah

Aliran	Jumlah	Peratus
Agama (SMA)	26	26.5%
Harian (SMK)	60	61.2%
Sains (SMS)	12	12.2%

Responden dari SMK paling dominan iaitu seramai 60 orang dengan kadar peratus 61.2%. Jadual 3 ini menunjukkan jumlah SMK hampir tiga kali ganda berbanding responden dari aliran agama (26) dengan kadar peratus 26.5% dan lima ganda berbanding aliran sains (12) dengan kadar peratus 12.2% sahaja. Namun berdasarkan maklumat lepas (Jadual 1 dan Jadual 2) yang membuktikan responden yang mempunyai pengalaman belajar BA paling ramai (83/98) dan peringkat SPM paling tinggi (46/98), maka pengkaji berpendapat bahawa kemungkinan daripada jumlah SMK (60) dan SMS (12) ini juga mengambil subjek BA.

Hal ini kerana subjek BA bukan hanya di tawarkan di sekolah-sekolah agama sahaja, tetapi ia juga ditawarkan di sekolah-sekolah aliran biasa (SMK) dan aliran sains (SMS). Oleh itu,

maklumat aliran sekolah hanya boleh menjadi kayu ukur aliran persekolahan responden sahaja, bukan penentuan tawaran subjek BA secara spesifik.

Soal selidik ini juga menyediakan ruangan cadangan penambahbaikan daripada pihak responden untuk membantu proses PdP bahasa Arab dalam talian lebih baik pada masa akan datang. Daripada 98 responden yang ditanya, maklum balas yang diterima adalah kurang daripada 80 responden manakala selebihnya menyatakan tiada cadangan dan pendapat. Hasil cadangan penambahbaikan daripada 80 responden ini, pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara berdasarkan jawapan yang paling dominan adalah seperti berikut:

1. Mengadakan pelbagai aktiviti (30).
2. Kuliah secara bersemuka dengan segera (10).
3. Gaya pengajaran yang lebih baik (5).
4. Perbaiki fasiliti PdP (5).
5. Mohon kelas BA pada waktu pagi (5).
6. Selitkan kisah dan pengajaran sebelum kuliah (5).
7. Belajar untuk memahami al-Quran (7).
8. Belajar untuk bekerja di negara Arab (1).
9. Berhasrat untuk sambung pengajian di Timur Tengah (1).
10. Ingin bercakap bahasa Arab dengan fasih (1).

Selebihnya 10 responden memberi maklum balas yang berbentuk linear dan memberi semangat kepada diri sendiri untuk belajar bersungguh-sungguh, asah kembali ilmu-ilmu BA yang telah dipelajar semasa di sekolah, sentiasa mengulangkaji hasil pembelajaran dan seterusnya bertanya kepada pensyarah jika terdapat kekeliruan semasa sesi kuliah berjalan. Mengadakan aktiviti (30) dan kuliah secara bersemuka (10) dilihat sebagai cadangan dominan yang perlu diambil kira ke arah usaha penambahbaikan daripada pihak pensyarah khususnya mempelbagaikan aktiviti PdP. Hal ini kerana pembelajaran dalam talian (*online learning*) merupakan gaya pembelajaran norma baharu yang mesti dirancang dengan teliti supaya suasana pembelajaran dalam talian seperti pembelajaran bersemuka atau hampir seperti bersemuka (*physical learning*). Melalui aktiviti yang dirancang secara tersusun, pembelajaran dalam talian akan menjadi lebih menarik dan dapat memastikan semua pelajar turut serta secara aktif dalam perbincangan bersama pensyarah dalam sesi kuliah.

Kesimpulan

Pembelajaran dalam talian hari ini sudah menjadi satu keperluan khususnya dalam dunia pendidikan. Kajian ini dapat merumuskan bahawa terdapat elemen-elemen penting dalam pembinaan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dan ia menjadi kayu ukur untuk mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Akibat wabak Covid-19, kaedah Open Distance Learning menjadi kaedah pembelajaran norma baharu yang telah menyebabkan minat pelajar terhadap pembelajaran dalam talian semakin menurun selain faktor sampingan seperti peribadi, pengalaman lepas, peringkat persekolahan dan aliran sekolah. Walaupun begitu, pengkaji ingin menyatakan bahawa para pensyarah perlu sedar hakikat sebenar yang online learning ini kini sudah menjadi satu keperluan wajib yang mesti diterima, difahami dan dilaksanakan atas apa jua alasan sekalipun. Hal ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tetap diteruskan seperti biasa walaupun proses tersebut tidak dapat berlaku secara fizikal. Seterusnya dengan ini, minat pelajar akan semakin tinggi dari semasa ke semasa apabila usaha penambahbaikan proses pengajaran itu sentiasa berlaku daripada pihak pensyarah

manakala penambahbaikan pembelajaran pula menjadi tanggungjawab para pelajar supaya semua pihak dapat menikmati hasil dan kualiti yang baik serta dapat mengurangkan keciciran pelajar dalam akademik.

Penghargaan

Artikel ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan oleh penulis yang merupakan pensyarah di Universiti Kuala Lumpur kampus Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) ke atas pelajar yang subjek bahasa Arab pada semester Julai 2021 yang lalu. Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak *International Journal of Humanities, Philosophy and Language* (IJHPL) atas kesudian pihak jurnal menerbitkan kajian penulis ini. Penulis mengharapkan kajian ini mampu menjadi rujukan ilmiah kepada pengkaji dan pelajar siswazah yang mengkaji berkaitan pembelajaran bahasa Arab.

Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail, Mohd. Nor Shahizan Ali. 2015. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit UKM Press.
- Ashafizrol Ab. Hamid. 2018. *Binaan Ayat Bahasa Arab*. Alor Setar: Alasfiyya Sdn. Bhd.
- Asmah Omar. 2015. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohamad. 2016. *50 Permainan Bahasa Arab: Panduan Praktikal untuk Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Radiah Mezah. 2010. *Pengajaran Bahasa Arab: Himpunan Pedoman buat Guru dan Bakal Guru* (Siri 1). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohamad. 2011. *Kosa Kata Arab: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ma'ahad Mokhtar. 2012. *Panduan Ringkas Membuat Ayat dalam Bahasa Arab*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mohammad Seman. 2010. *Nahu Asasi Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fahimi Zakaria, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. 2020. Faktor Kecenderungan Minat Pelajar terhadapa subjek Bahasa Arab: Kajian di Management and Science University. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*. 4(4): 92-100.
- Mohd Fahimi Zakaria. 2021. Pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan Sistem Jadual di Institut Pengajian Tinggi. Dlm. *Pendidikan Pemangkin Peradaban Islam* (109-120). Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Maimūn Aqsa Lubīs. 2009. *Turuq Tadrīs al-Lughah al-‘Arabiyyah wa ‘Idad Durūsiha fi Malīzīya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorli Mohd Noor. 2012. *Perbualan Bahasa Arab Mudah*. Kota Bharu: AE Books Enterprise.
- Rafizah Kechil, Azlina Mohd Mydin, Wan Anisha Wan Mohammad. 2020. Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL): *Adaptasi Norma Baharu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Dilayari 2 Mac 2022 melalui laman <https://appspenang.uitm.edu.my/buletin%20jskm/2020-2/Articles/>
- Wan Hartini Wan Zainodin. 2020. *Open Distance Learning: Evolusi pembelajaran cabar keupayaan pendidik IPT?*. Dilayari pada 2 Mac 2022 melalui laman <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1846610>
- Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak. 2021. Dilayari pada 2 Mac 2022 melalui laman <https://www.unikl.edu.my/institutes/rcmp/>